

# NAIB CANSELOR/REKTOR IPTA

KE MENYUARAT JAWATANKUASA NAIB CANSELOR DAN REKTOR BILANGAN PERTAMA DI UNIVERSITI



DR. ASMAH ISMAIL (enam dari kiri) bersama naib-naib canselor IPTA selepas Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor Bilangan Pertama di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Usaha universiti lahirkan siswazah seimbang akademik, sahsiah

## Lepasan IPTA diberi MQS

Oleh HANIZA HASSAN

pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 9 MAC

B AKAL graduan daripada 20 universiti awam di negara ini akan mendapat Penyataan Kelayakan Malaysia (MQS) sebaik sahaja menamatkan pengajian mereka bermula tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor (JKNCR) universiti awam, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin berkata, MQS merupakan satu dokumen tambahan yang memaparkan maklumat terperinci tentang program pengajian serta segala aktiviti yang disertai penuntut.

Beliau berkata, dokumen MQS berkenaan yang akan disertakan bersama-sama ijazah dan transkrip pengajian penuntut itu merupakan salah satu usaha pihak universiti melahirkan lepasan yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah.



Dengan adanya dokumen tambahan ini, akan memudahkan bakal majikan membuat penilaian terhadap graduan yang memohon kerja dengan mereka."

**DR. KAMARUDIN HUSSIN**

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor (JKNCR) universiti awam

"JKNCR yang bermesyuarat hari ini sebulat suara bersetuju memperkenalkan MQS yang merangkumi pelbagai maklumat tambahan tentang penglibatan penuntut dalam akademik dan aktiviti seperti persatuan, program khidmat sosial dan sebagainya.

"Saya kira mana-mana universiti yang sudah bersedia, boleh laksanakan pada konvokesyen tahun ini kerana ada universiti yang sudah membuat persediaan awal tentangnya," katanya selepas Mesyuarat JKNCR Bilangan Pertama di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di sini hari ini.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua hari bermula semalam itu turut dihadiri Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Asmah Ismail serta naib-naib canselor dan rektor universiti awam lain.

Ujar Kamarudin, semua 20 universiti awam di negara ini sudah bersedia untuk melaksanakan perkara berkenaan, apatah lagi perkara ini telah lama dibincangkan.

"Dengan adanya dokumen tambahan ini, akan memudahkan bakal majikan membuat penilaian terhadap graduan yang memohon kerja dengan mereka," katanya.

Dalam pada itu, katanya, mesyu-

arat pertama bagi tahun ini turut membincangkan beberapa perkara termasuk semua universiti yang terdapat di seluruh negara selepas ini akan dikenali sebagai universiti awam manakala istilah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) digunakan jika merangkumi kolej komuniti dan politeknik.

Menurut beliau, perkara lain yang turut dibincangkan ialah tentang pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan menyediakan kertas cadangan bagi menggalakkan minat pelajar terhadap empat bidang pengajian itu.

"Bagi merealisasikan perkara tersebut, semua universiti awam diminta mengambil beberapa sekolah menengah sebagai sekolah angkat, seterusnya membantu membangunkan makmal STEM dengan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan," katanya.